

# Kandungan

<b>Latihan</b>	<b>Muka Surat</b>
Latihan Peperiksaan 1 .....	1
Latihan Peperiksaan 2 .....	14
Latihan Peperiksaan 3 .....	27
Latihan Peperiksaan 4 .....	40
Latihan Peperiksaan 5 .....	53
Latihan Peperiksaan 6 .....	66
Latihan Peperiksaan 7 .....	79
Latihan Peperiksaan 8 .....	92
Latihan Peperiksaan 9 .....	105
Latihan Peperiksaan 10.....	118
Skema Jawapan.....	131

# Latihan Peperiksaan 1

## Kertas 1


**ARAHAN:** *Jawab dua soalan, satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B.*

### Bahagian A

(20 markah)

**ARAHAN:** *Tulis komen yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan satu daripada soalan-soalan yang berikut.*

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel yang berikut dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.



(lihat halaman sebelah)

## SOALAN A2

(10 Markah)

**ARAHAN:** *Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di dalam kurungan yang disediakan.*

---

- (A) alah bisa tegal biasa
- (B) ada kerak, adalah nasi
- (C) ada gula adalah semut
- (D) air pun ada pasang surutnya
- (E) malu berkayuh perahu hanyut
- (F) di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- (G) diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat
- (H) bodoh-bodoh sepat, tiada makan pancing emas
- (I) belakang parang pun jikalau diasah nescaya tajam
- (J) cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar

Kamal berasa sedih kerana akan memulakan tahun 2021 di sekolah yang baharu. Bapanya telah dipindahkan oleh majikannya ke tempat kerja yang baharu di Kuala Lumpur. Sudah tentu pemindahan tersebut akan meninggalkan kesan kepada keluarga Kamal bak kata pepatah (6)\_\_\_\_\_. Kamal sedar bahawa kehidupannya yang dahulunya senang tidak kekal, ada masa senang dan ada masa susah seperti kata pepatah (7)\_\_\_\_\_. Pada malam itu, ibunya masuk ke dalam bilik untuk membantu Kamal mengemas beg sekolahnya. Ibunya menasihati Kamal agar mematuhi peraturan sekolah yang baharu. Bersekolah di Kuala Lumpur sudah pasti berbeza dengan bersekolah di Singapura seperti kata pepatah (8)\_\_\_\_\_. Ibunya juga mengingatkan Kamal agar rajin bertanya sekiranya tidak tahu agar terhindar daripada melakukan kesalahan ibarat kata pepatah (9)\_\_\_\_\_. Mendengarkan nasihat ibunya Kamal berasa lega. Dia tahu bahawa dia akan berasa kekok menyesuaikan diri di sekolah yang baharu itu. Akan tetapi lama-kelamaan dia akan terbiasa dengan sistem persekolahan di situ seperti kata pepatah (10)\_\_\_\_\_. Kamal tersenyum sambil terus mengemas beg sekolahnya.

6. ( )      7. ( )      8. ( )      9. ( )      10. ( )

(lihat halaman sebelah)

**ARAHAN:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di kurungan yang disediakan.

---

- 16 Ramai yang meminati kuih tradisional kerana \_\_\_\_\_.
- (A) rasanya enak
  - (B) rasanya manis
  - (C) kelembutannya
  - (D) diwarisi zaman-berzaman [    ]
- 17 Kuih-muih tradisional dijual pada bulan Ramadan kerana \_\_\_\_\_.
- (A) orang Melayu sedang berpuasa
  - (B) boleh membuka selera mereka yang berpuasa
  - (C) bazar merupakan tempat orang membeli makanan
  - (D) kuih merupakan makanan ringkas sebagai pencuci mulut [    ]
- 18 Nilai yang boleh kita pelajari daripada kuih tradisional ialah \_\_\_\_\_.
- (A) orang Melayu kreatif
  - (B) orang Melayu bijak berbahasa
  - (C) orang Melayu pandai membuat kuih
  - (D) orang Melayu tidak menilai seseorang daripada luarannya sahaja [    ]

(lihat halaman sebelah)

# Kertas 2

## Bahagian A

### SOALAN A1

(10 Markah)

**ARAHAN:** Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat 5 patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan

---

Masalah keracunan makanan sering berlaku. Masalah yang (1) cetus ini menyebabkan para pengguna berasa bimbang untuk membeli sesuatu bahan makanan. Sebenarnya, ada (2) berapa langkah yang perlu dilakukan agar masalah ini tidak berlaku.

Sesuatu bahan yang ingin kita beli seperti sayur-sayuran, ikan atau daging hendaklah kita pastikan bahawa bahan-bahan itu baik dan bersih. Barang-barang yang sudah rosak dan sudah lama jangan sesekali dibeli walaupun mutunya dijamin oleh (3) jual. Pengguna harus memberikan perhatian kepada tarikh luput sesuatu barangan sebelum membelinya walaupun keadaan barangan tersebut (4) lihat masih baik lagi. Selain itu, barang yang dibeli hendaklah (5) simpan di tempat yang bersih, kering dan mempunyai pengaliran udara yang baik. Dengan cara ini, barangan ini sudah pasti dapat bertahan lama.

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

4. \_\_\_\_\_

5. \_\_\_\_\_

(lihat halaman sebelah)